

Kutipan hasil dijangka melebihi RM139 bilion

CYBERJAYA: Kerajaan menjangkakan kutipan hasil daripada pelbagai cukai langsung pada tahun ini mampu mencapai situasi seperti sebelum kemunculan isu Covid-19 awal 2020 lalu.

Perkembangan positif itu menurut Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, dapat digunakan bagi pembangunan negara menerusi pelbagai program bermanfaat.

Langkah itu juga ujarnya, susulan pelbagai strategi jangka pendek dan sederhana dirancang Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) bagi meningkatkan kutipan cukai di seluruh negara.

"Saya percaya dan yakin bahawa Keluarga LHDN akan berjaya mengulangi pencapaian 2021 lalu malah mungkin melebihi sasaran berjumlah RM139 bilion

bagi tahun ini pula," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis sambutan Hari Hasil 2022 sempena ulang tahun ke-26 pengkorporatan agensi itu pada 1996 lalu di Ibu pejabat LHDN, Menara Hasil di sini semalam.

Teks ucapan beliau disampaikan oleh Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz. Turut hadir ialah Ketua Pegawai Eksekutif LHDN, Datuk Mohd. Nizom Sairi.

Ismail Sabri turut merakamkan penghargaan atas kejayaan LHDN memastikan hasil kutipan bertambah 17 peratus berbanding 2020 kepada lebih RM140 bilion.

"Prestasi cemerlang ini merupakan kejayaan amat membanggakan kerana ia menyumbang hampir separuh daripada jum-

lah keseluruhan pendapatan negara tahun lepas," jelas beliau.

Pencapaian itu katanya, hasil usaha transformasi LHDN menerusi 28 pautan perkhidmatan percukaian atas talian dan enam aplikasi di bawah pendekatan Go Digital for Future Services.

Beliau turut gembira ketangkasan LHDN dalam mengadaptasi keperluan pendigitalan telah mempermudah urusan percukaian dan menunjukkan trend pematuhan yang meningkat.

Justeru, beliau optimis, sinar pemulihan yang lebih baik tahun ini memungkinkan kerajaan mendapat kutipan kembali kepada paras sebelum pandemik Covid-19 lebih dua tahun lalu.

"Ini termasuk usaha mengenali pasti sektor ekonomi

baharu dan pelaksanaan undang-undang percukaian lebih telus, berkesan dan cekap bagi meningkatkan kepercayaan rakyat," katanya.

Ismail Sabri menambah, pengenalan Cukai Makmur secara sekali terus atas laba luar biasa syarikat sepanjang wabak, boleh dimanfaatkan untuk sistem kesihatan awam berdaya tahan.

Begitu juga pelaksanaan Nombor Identifikasi Cukai dan Sijil Pematuhan Cukai dijangka melonjakkan kecekapan dan akauntabiliti pengumpulan hasil negara daripada para peniaga.

Akta Tanggungjawab Fiskal yang akan dibentangkan kerajaan juga antara strategi hasil jangka sederhana LHDN sejajar amalan global terbaik berlandaskan penggunaan data raya.